



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **sepuluh (10)** kes positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Kuching (6), Samarahan (2) dan Bintulu (2). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **594** kes.

Kes Positif Bukan Warganegara

Dua (2) kes adalah kontak rapat kepada kes positif yang telah dikesan pada 13 Julai 2020 di atas kapal LNG Jupiter. Kedua-dua kes ini telah disaring pada 16 Julai 2020 dan ujian rT-PCR mereka telah didapati positif untuk COVID-19 pada hari yang sama. Kedua-dua kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Kes akan dibawa turun dari kapal dan akan dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut.

Kes Positif Warganegara Balik Dari Luar Negara

Empat (4) kes melibatkan warganegara tempatan yang baru balik dari luar negara yang sedang menjalani kuarantin 14 hari. Kes-kes ini masing-masing dua orang berasal dari Daerah Kuching dan dua orang berasal dari Daerah Samarahan. Mereka ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kesemua kes ini dikategorikan sebagai kes import yang melibatkan warganegara tempatan.

Kes Positif *Severe Acute Respiratory Infection (SARI)*

Satu (1) kes lagi adalah melibatkan seorang wanita warga emas dari Daerah Kuching yang telah mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan dan telah dirujuk serta dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak pada 9 Julai 2020 kerana mengalami *Severe Acute Respiratory Infection (SARI)*. Kes juga menghidap penyakit kencing manis dan tekanan darah tinggi. Ujian ulangan untuk swab untuk rT-PCR pada 16 Julai 2020 mendapati beliau positif COVID-19. Kes adalah jangkitan tempatan kerana kes tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara.

Kes Positif Pekerja Kesihatan

Satu (1) kes adalah kontak rakan tempat kerja kepada kes Ke-582 yang dikesan pada 15 Julai 2020 hasil saringan kepada kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes juga adalah jangkitan tempatan kerana tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara.

Kes Positif Saringan Kendiri

Dua (2) lagi kes adalah wargenegara tempatan yang telah membuat saringan kendiri di Hospital Swasta. Mereka tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Punca jangkitan untuk kes ini masih dalam siasatan lanjut.

Kluster Baru yang telah dikesan

(Kluster Kapal LNG Jupiter)

Dengan penambahan dua (2) kes baru pada hari ini, ini menjadikan jumlah keseluruhan kes yang melibatkan kluster ini ialah seramai tiga (3) orang daripada keseluruhan 30 orang krew yang disaring.

(Kluster Pusat Perubatan Kuching)

Penambahan satu (1) kes baru yang merupakan rakan tempat kerja kepada kes Ke-582 menjadikan jumlah keseluruhan kes positif yang melibatkan kluster ini ialah seramai dua (2) orang. Punca jangkitan masih dalam siasatan dan pengesanan kontak masih diteruskan.

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah sembah dan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembah dan discaj kekal sebanyak **554** orang atau **93.27%**. Seramai **22 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan jumlah kematian kekal **18 orang atau 3.03%**.

Hari ini sebanyak **23 PUI** baru dilaporkan dan **2 kes** masih menunggu ujuan makmal.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah bermesyuarat dan memutuskan perkara seperti berikut:

A. GARIS PANDUAN (SOP) UNTUK PELBAGAI SEKTOR DAN AKTIVITI

- I. Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) telah menetapkan Garis Panduan (SOP) bagi pembukaan semula *Kuching Waterfront Musical Fountain* (KWMF). Ianya akan mula beroperasi pada 18 Julai 2020.
- II. Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak (MTAC) telah menetapkan Garis Panduan (SOP) bagi Acara Langsung (*Live Event*) yang meliputi semua jenis acara berkaitan industry kreatif (multimedia, seni budaya dan warisan budaya) dan *indoor busking* berkuatkuasa serta merta.
- III. Kementerian Belia dan Sukan Sarawak (KBSS) telah menetapkan pembukaan sektor sukan dan rekreasi bagi Fasa 3 & 4 yang melibatkan sukan berpasukan, sukan tempur dan sukan individu serta permotoran berkuatkuasa serta merta.

Nota: Untuk maklumat lanjut, Kementerian dan Agensi bolehlah dihubungi.

IV. Semua majlis rasmi kerajaan di Daerah Kuching, jumlah yang dibenarkan hadir adalah mengikut 50% kapasiti dewan. Bagi majlis-majlis yang tidak rasmi, bilangan peserta masih lagi seramai 250 orang. Manakala bagi daerah-daerah lain (berstatus hijau), jumlah yang dibenarkan hadir untuk majlis rasmi dan tidak rasmi adalah mengikut 50% kapasiti dewan.

B. KEMASUKAN RAKYAT SARAWAK DARI LUAR NEGARA

Semua rakyat Sarawak yang balik dari luar negara, **wajib** menjalani kuarantin selama 14 hari di pusat kuarantin yang telah ditetapkan. Ujian COVID-19 pada hari ke-2 dan hari ke-10 akan diambil.

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

Hari ini sebanyak **1,856 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (352), Restoran (382), Kilang (16), Bank (185), Pejabat Kerajaan (90), Penjaja (43), Pasar Tani/Awam (91), Tempat Ibadah (68), Tempat Riadah (58), Tapak Pembinaan (19) dan lain-lain (552).

Seramai **681 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (344), ATM (36), RELA (141), APM (93), PBT (45), KKM (10), KPDNHEP (3) dan Lain-lain agensi (9).

Pada 15 Julai 2020, jam 11.15 malam, pihak PDRM telah membuat pemeriksaan di premis perniagaan (Bistro) berdekatan Jalan Sing Thian Cheok, Padungan, Kuching dan telah mengeluarkan sebanyak 16 kompaun kerana melakukan kesalahan berhimpun di Bistro dengan tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Semua kompaun tersebut perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari.

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,223** jumlah kenderaan telah diperiksa.

5. LAPORAN TANGKAPAN DI SEMPADAN

Pihak ATM telah melaporkan sebanyak 4 tangkapan sejak 13 hingga 16 Julai 2020 di sempadan Malaysia / Indonesia (Tebedu, Serikin dan Serian). Daripada 4 tangkapan tersebut, seramai 19 PATI telah ditangkap dan dihantar di Balai Polis berdekatan (Tebedu, Serian dan Bau) untuk tindakan lanjut.

6. SARINGAN DI FASILITI KESIHATAN

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa sekiranya sesiapa yang menjadi kontak kepada kes positif COVID-19 di Kuching, sila hadir untuk menjalani saringan di fasiliti kesihatan dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang seperti berikut:

Klinik Kesihatan Jalan Masjid Klinik Kesihatan Tanah Putih Klinik Kesihatan Kota Sentosa Klinik Kesihatan Batu Kawa	Setiap Isnin hingga Jumaat
Klinik Kesihatan Petra Jaya	Setiap Isnin hingga Ahad

7. NOMBOR TALIAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Untuk pertanyaan berhubung perkara-perkara berkaitan dengan COVID-19, sila hubungi diantara nombor-nombor ini dari jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam.

- 1. 082 – 443 991**
- 2. 082 – 513 340**
- 3. 082 – 649 813**
- 4. 082 – 536 512**
- 5. 082 – 646 634**

8. KOMPAUN JIKA DIDAPATI BERSALAH

Kepada orang awam yang masih berdegil untuk tidak mematuhi Garis Panduan (SOP) dan melanggar perintah PKPP, pihak penguatkuasa tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan dan mengenakan kompaun.

9. NASIHAT KEPADA ORANG AWAM

Saya ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk sentiasa mengamalkan norma baharu dengan mematuhi Garis Panduan (SOP) yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Kita jangan leka kerana perang untuk memutuskan rantaian COVID-19 ini masih belum berakhir.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

17 JULAI 2020

4.30 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	584	Kes sedang dirawat di hospital	22	3.70%
Kes Baharu	10	Kes di Intensive Care Unit (ICU)	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	60,174	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	594	Jumlah kes kematian	18	3.03%
IR per 100,000 penduduk	19.26	Kes telah sembuh dan discaj	554	93.27%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Patient Under Investigation (PUI)	Baru	Kumulatif
Negatif	23		23	8,743
Menunggu keputusan	2			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		17	1	4	0	22
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)		0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		16	0	0	2	18
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	469	32	22	31	554
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	8	2	0	19

DAERAH KUNING (2)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Samarahan	2	526	2	101	0	94	0	4	3	3
2	Kuching	11	5,686	6	354	0	329	0	11	14	15
Jumlah		13	6,212	8	455	0	423	0	15	17	18

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	3	269	2	26	0	22	0	0	4	4
2	Sibu	0	104	0	9	0	8	0	0	1	1
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
5	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
7	Lundu	0	238	0	1	0	1	0	0	0	0
8	Bau	0	158	0	5	0	5	0	0	0	0
9	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
10	Miri	7	774	0	23	0	22	0	1	0	0
11	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	44	0	3	0	2	0	1	0	0
13	Betong	0	174	0	16	0	16	0	0	0	0
14	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Mukah	0	38	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
17	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
18	Sarawak	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		10	2,531	2	139	0	131	0	3	5	5
Jumlah Besar											
23											

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Kluster yang telah dikenalpasti.

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat		
1	Kluster Kuching Conference		0	191	22 June, 2020		
2	Kluster Seri Petaling		0	115	10 June, 2020		
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	3 June, 2020 15 May, 2020 10 June, 2020 12 May, 2020 26 May, 2020 12 May, 2020 3 June, 2020 3 June, 2020 15 May, 2020 2 May, 2020	3 June, 2020		
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020		
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020		
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020		
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020		
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020		
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020		
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020		
2i	Sporadik						
	i) Betong	6			15 May, 2020		
	ii) Samarahan	1			2 May, 2020		
	iii) Serian	1			6 June, 2020		
	iv) Kuching	9			12 May, 2020		
	v) Bintulu	2			18 April, 2020		
	vi) Miri	8			24 May, 2020		
	vii) Mukah	2			13 April, 2020		
	viii) Limbang	2			26 May, 2020		
3	Kluster PUI Itali		0	65	30 May, 2020		
4	Kluster Petugas Kesihatan Kuching		0	68	6 June, 2020		
5	Kluster Kidurong		0	8	Active		
6	Kluster Tapak Pembinaan Kuching		0	3	Active		
7	Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching		0	2	Active		
8	Kluster Mambong		0	2	Active		
9	Kluster Jupiter		2	3	Active		
10	Kluster Pusat Perubatan Kuching		1	2	Active		
11	Kluster-kluster kecil		0	63	-		
12	Sporadik kes		0	45	-		
13	Kes import		4	24	-		
14	Masih dalam siasatan dan kes baru		3	3	-		
Jumlah			10	594			

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Kluster yang masih aktif

BIL	KLUSTER	KES BARU	KUMULATIF KES	TARIKH TERAKHIR DILAPORKAN	STATUS	TARIKH DIJANGKA TAMAT
1	Kidurong	0	8	21.06.2020	Aktif	19.07.2020
2	Tapak Pembinaan Kuching	0	3	34.06.2020	Aktif	22.07.2020
3	Syarikat Kejuruteraan Kuching	0	2	12.07.2020	Aktif	09.08.2020
4	Mambong	0	2	14.07.2020	Aktif	11.08.2020
5	Jupiter	2	3	16.07.2020	Aktif	13.08.2020
6	Pusat Perubatan Kuching	1	2	16.07.2020	Aktif	13.08.2020

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **43 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **8 buah hotel** adalah seramai **449 orang**.

Manakala seramai **18,783 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 17.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (297)	Harbour View	114
2		Riverside (Astana Wing)	183
3	Miri (77)	Eastwood Valley	45
4		Meritz	32
5	Bintulu (19)	Wasan Inn	15
6		Motel Kapok	4
7	Limbang (17)	Purnama	17
8	Sibu (39)	Premier	39
Jumlah PUS			449

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **3 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,380 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 17.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	435
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	103
5	Sarikei	99
6	Sibu	89
7	Limbang	74
8	Betong	48
9	Serian	46
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
Jumlah		1,380

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **29 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 17.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	1
2	MP Kota Samarahan	1
3	MD Serian	3
4	MD Bau	3
5	MD Sri Aman	6
6	MP Sibu	10
7	MB Miri	5
Jumlah		29